



Ruj. Kami : PMS/09/01/08 (25)
Tarikh : 02 Julai 2024

Saudara / Saudari,

MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-17 POLITEKNIK MUADZAM SHAH, PAHANG

Adalah dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sekalung tahniah diucapkan kepada semua graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian di Politeknik Muadzam Shah. Sukacita dimaklumkan bahawa Politeknik Muadzam Shah akan mengadakan **Majlis Konvokesyen Kali Ke-17** pada ketetapan berikut :

Tarikh : 29 September 2024 (Ahad) – Pendaftaran dan Raptai
: 30 September 2024 (Isnin) – Majlis Konvokesyen
Tempat : Dewan Seri Gading,
Politeknik Muadzam Shah, Pahang
Sesi : Sesi II : 2022/2023 dan Sesi I : 2023/2024

3. Sehubungan itu, pihak kami sangat berbesar hati menjemput saudara/saudari untuk menghadiri majlis tersebut. Maklumat lanjut berkaitan tatacara, bayaran dan lain-lain berkenaan majlis konvokesyen boleh dicapai melalui pautan *sistem i-convo* di laman web rasmi <http://pms.mypolycc.edu.my> atau memuat-turun aplikasi *i-convo* PMS. Sehubungan itu graduan diminta untuk membuat pengesahan kehadiran di atas talian bermula **15 Ogos 2024 sehingga 13 September 2024**. Kelewatan untuk membuat pengesahan kehadiran di sistem *i-convo* selepas tarikh tutup **TIDAK AKAN DILAYAN**.

4. Pihak kami sekali lagi mengucapkan tahniah di atas kejayaan yang telah dicapai. Kehadiran saudara/saudari amat dialu-alukan bagi menyerikan lagi majlis. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan urus setia konvokesyen Puan Sarawati binti Ahmad atau Puan Norleza binti Lehat di talian 09-4502005.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI MOHD YUSOF BIN ZAKARIA)

Pengarah
Politeknik Muadzam Shah
Pahang Darul Makmur

s.k. Fail